

27/11/1997

Sedia timbang anjur Sidang Puncak Masyarakat

VANCOUVER, Rabu - Malaysia bersedia menimbangkan permintaan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk mengadakan Sidang Puncak Masyarakat sempena mesyuarat pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur, tahun depan.

Bagaimanapun, acara itu hanya boleh diadakan jika penganjur persidangan itu berjanji bersikap sopan semasa mengadakan kegiatan mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak menghalang masyarakat mengeluarkan pandangan.

"Bagaimanapun, pandangan ini perlu dikeluarkan secara sopan bukan dengan menyatakannya menerusi simbol-simbol lucu atau mencarut orang lain.

"Rakyat Malaysia adalah sopan dan kita tidak mempunyai masalah jika orang mengeluarkan pandangan dengan sopan," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar di sini selepas berakhirnya mesyuarat pemimpin Apec kelima.

Beberapa NGO sudah menyatakan hasrat untuk menganjurkan sidang kemuncak itu semasa Apec Kuala Lumpur seperti yang diadakan di Vancouver. Di bandar raya pinggir Lautan Pasifik Kanada ini, NGO berkenaan, termasuk Amnesty International, membincangkan isu hak asasi manusia, buruh dan hak wanita di sidang kemuncak masyarakat berkenaan.

NGO berpendapat mereka perlu membincangkan isu berkenaan kerana ia adalah agenda yang diketepikan oleh Apec.

Semasa Malaysia menjadi tuan rumah kepada mesyuarat pemimpin Apec pada 17 dan 18 November tahun depan, tiga negara anggota baru iaitu Russia, Vietnam dan Peru akan menghadirinya, selain 18 negara sedia ada.

Dr Mahathir berkata, berikutan Apec Kuala Lumpur diadakan sempena ulang tahun ke-10 penubuhan forum itu, mesyuarat itu akan membuat kajian semula segala kegiatan perdagangan dan mempermudah pelaburan yang sedang diusahakan Apec.

"Dalam kajian semula ini, tumpuan khusus diberi kepada langkah meningkatkan kemampuan negara anggota bagi memastikan ahli Apec, terutamanya negara membangun mendapat manfaat daripada forum itu dari segi pembangunan sumber manusia, perkongsian teknologi dan juga pembangunan ekonomi dan sosial," katanya.

Malaysia juga akan memberi tumpuan kepada program kerjasama ekonomi dan teknikal serta pembangunan industri kecil dan sederhana.

"Kita akan mengutarakan program khas menyelesaikan daya usaha Pembukaan Pasaran Sektor Tertentu Secara Lebih Awal (EVSL) untuk dilaksanakan menjelang awal 1999," kata Dr Mahathir.

Kerja dalam meningkatkan keupayaan sumber manusia dan pembangunan teknologi untuk masa depan, program kerja bagi perdagangan secara elektronik dalam Apec akan dibuat dengan mengambil kira kegiatan forum antarabangsa yang lain.

(END)